

BAB LIMA

ANALISIS REGRESI BERGANDA MENGENAI PENGARUH FAKTOR SOSIO-EKONOMI TERHADAP POLA FERTILITI WANITA CINA.

5.1 PENGENALAN

Tujuan utama bab ini ialah untuk menganalisis perhubungan antara faktor sosio-ekonomi dengan bilangan kelahiran hidup di kalangan wanita Cina, sama ada yang menetap di bandar ataupun di luar bandar. Kesan setiap angkubah tak bersandar terhadap fertiliti wanita Cina dalam model regresi berganda akan diperbandingkan untuk mengenalpastikan angkubah mana yang paling mempengaruhi fertiliti. Angkubah-angkubah yang mempunyai perhubungan yang nyata dengan kelahiran hidup dalam pengujian korelasi akan dipilih sebagai model regresi untuk menentukan kesan angkubah-angkubah tersebut terhadap kelahiran hidup di kalangan wanita Cina (rujuk Lampiran 4).

Sungguhpun tempoh perkahwinan mempunyai korelasi yang tinggi dan signifikan terhadap kelahiran hidup namun ia tidak dipilih sebagai salah satu angkubah dalam model regresi. Ini disebabkan tempoh perkahwinan mempunyai korelasi yang sempurna (*perfect correlation*) dengan umur seseorang wanita dan pasangannya serta umur berkahwin yang akan mengakibatkan masalah kekolinearan berganda (*multicollinearity problems* - lihat Lampiran 4).

Selain itu, faktor saiz keluarga yang diidamkan juga tidak akan dimasukkan dalam model regresi sebagai angkubah

bebas. Ini kerana persepsi saiz keluarga yang diidamkan dipengaruhi oleh bilangan anak dan dari tertib masa fertiliti sebenar berlaku lebih lewat. Lazimnya bagi wanita yang melahirkan bilangan anak yang ramai secara rasionalnya mengidamkan saiz keluarga yang besar. Jadi adalah rasional sekiranya faktor saiz keluarga yang diidamkan dijadikan sebagai angkubah bersandar. Pembentukan model bagi saiz keluarga yang diidamkan bertujuan untuk menguji kesan faktor sosio-ekonomi yang manakah paling mempengaruhi pola kelahiran yang diidamkan oleh seseorang wanita.

Faktor penggunaan kontraseptif juga tidak dimasukkan dalam model regresi bagi fertiliti wanita Cina kerana pengamalan perancang keluarga adalah bergantung kepada saiz keluarga. Penganalisisan mikro menunjukkan bahawa seseorang wanita hanya akan menggunakan kaedah kontraseptif setelah melahirkan anak. Sebaliknya dalam penganalisisan makro, perbezaan dalam kadar penggunaan kontraseptif di kalangan kumpulan tertentu telah menyebabkan perbezaan dalam aras fertiliti.

Setelah mengambilkira kesemua pertimbangan di atas, maka angkubah-angkubah yang terpilih dalam model regresi bagi mengukur pola fertiliti di kalangan wanita Cina (iaitu model klahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan) terdiri daripada; (1) umur mula berkahwin, (2) taraf pendidikan wanita, (3) taraf pendidikan suami, (4) aras pendapatan negeri pemastautin (iaitu negeri yang mempunyai pendapatan isirumah tinggi atau rendah), (5) pekerjaan dalam sektor formal, (6) pekerjaan dalam sektor tidak

formal, (7) pekerjaan suami (dalam sektor formal atau sektor tidak formal/tidak bekerja), dan (8) pendapatan isirumah.

Untuk melihat perbezaan antara pengaruh faktor-faktor sosio-ekonomi terhadap pola fertiliti wanita Cina (iaitu kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan), 9 model asas akan dibentuk berdasarkan kepada tempat tinggal (iaitu bandar dan luar bandar) dan faktor umur wanita (iaitu umur wanita dikategorikan kepada golongan berumur kurang daripada 35 tahun dan berumur 35 tahun dan ke atas).

Oleh itu, model regresi terhadap pola fertiliti kaum Cina (iaitu model bagi kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan) mengandungi 8 angkubah tak bersandar yang akan dibentuk seperti berikut:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + \dots + b_8X_8 + e_i$$

dengan,

Y = kelahiran hidup atau saiz keluarga yang diidamkan

X_1 = umur mula berkahwin

X_2 = taraf pendidikan wanita

X_3 = taraf pendidikan suami

X_4 = status pendapatan negeri pemastautin

X_5 = pekerjaan dalam sektor formal

X_6 = pekerjaan dalam sektor tidak formal

X_7 = pekerjaan suami (dalam sektor formal atau sektor tidak formal/tidak bekerja)

X_8 = pendapatan isirumah

5.2 KEPUTUSAN ANALISIS REGRESI BERGANDA (MRA) TERHADAP FERTILITI (KELAHIRAN HIDUP)

Dari Jadual 5.1, keputusan regresi bagi keseluruhan wanita Cina menunjukkan bahawa 36.2 peratus daripada perubahan yang berlaku dalam kelahiran hidup wanita Cina dapat diterangkan oleh faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi termasuk umur mula berkahwin, taraf pendidikan wanita dan pasangannya, aras pendapatan negeri pemastautin, pekerjaan wanita dan pasangannya dalam sektor formal dan sektor tidak formal, dan pendapatan isirumah. Di kawasan bandar, faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi yang dinyatakan di atas hanya dapat menerangkan 35.0 peratus dalam varians fertiliti wanita Cina berbanding dengan 43.6 peratus di kawasan luar bandar.

Keupayaan faktor sosio-ekonomi dalam menerangkan varians fertiliti wanita Cina yang berumur kurang daripada 35 tahun adalah 37.7 peratus dan 41.4 peratus bagi golongan berumur 35 tahun dan ke atas. Sebaliknya di kalangan wanita Cina di bandar yang berumur kurang daripada 35 tahun hanya sebanyak 37.5 peratus daripada varians dapat digambarkan menerusi angkubah-angkubah tak bersandar tersebut. Di kalangan wanita bandar yang berumur 35 tahun dan ke atas, faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi menerangkan 43.1 peratus daripada variasi fertiliti. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor sosio-ekonomi tersebut mempunyai kesan yang lebih kuat dalam menerangkan perbezaan kelahiran hidup di kalangan wanita yang telah berumur berbanding dengan wanita

JADUAL 5.1: ANALISIS REGRESI KELAHIRAN HIDUP BAGI WANITA CINA MENGIKUT UMUR DAN TEMPAT TINGGAL

| ANGKUBAH TAK BERSANDAR | JUMLAH | UMUR WANITA | |
|--|------------|--------------------------|--------------------|
| | | KURANG DARIPADA 35 TAHUN | 35 TAHUN & KE ATAS |
| <u>KOEFISIEN REGRESI TERPIAWAI (KESELURUHAN)</u> | | | |
| UMUR MULA BERKAHWIN | -0.282 *** | -0.293 *** | -0.453 *** |
| TARAF PENDIDIKAN WANITA | -0.414 *** | -0.435 *** | -0.251 *** |
| TARAF PENDIDIKAN SUAMI | 0.007 | -0.031 | -0.021 |
| STATUS PENDAPATAN NEGERI | -0.080 ** | -0.122 ** | -0.027 |
| KERJA DLM SEKTOR FORMAL | 0.012 | 0.059 | -0.094 |
| KERJA DLM SEKTOR TAK FORMAL | 0.152 *** | 0.120 ** | 0.127 ** |
| PEKERJAAN SUAMI | -0.041 | -0.003 | -0.035 |
| PENDAPATAN ISIRUMAH | 0.090 ** | 0.118 ** | -0.001 |
| INTERSEP | 6.891 | 6.272 | 8.738 |
| R ² | 0.362 | 0.377 | 0.414 |
| N | 458 | 230 | 228 |
| <u>KOEFISIEN REGRESI TERPIAWAI (BANDAR)</u> | | | |
| UMUR MULA BERKAHWIN | -0.253 *** | -0.237 *** | -0.426 *** |
| TARAF PENDIDIKAN WANITA | -0.344 *** | -0.461 *** | -0.196 ** |
| TARAF PENDIDIKAN SUAMI | -0.068 | -0.113 | -0.033 |
| STATUS PENDAPATAN NEGERI | -0.090 * | -0.129 * | -0.003 |
| KERJA DLM SEKTOR FORMAL | -0.068 | -0.007 | -0.146 ** |
| KERJA DLM SEKTOR TAK FORMAL | 0.236 *** | 0.062 | 0.237 *** |
| PEKERJAAN SUAMI | -0.058 | -0.134 * | -0.036 |
| PENDAPATAN ISIRUMAH | 0.092 | 0.104 | -0.025 |
| INTERSEP | 6.145 | 5.292 | 7.995 |
| R ² | 0.350 | 0.375 | 0.431 |
| N | 274 | 135 | 139 |
| <u>KOEFISIEN REGRESI TERPIAWAI (LUAR BANDAR)</u> | | | |
| UMUR MULA BERKAHWIN | -0.310 *** | -0.332 *** | -0.469 *** |
| TARAF PENDIDIKAN WANITA | -0.483 *** | -0.444 *** | -0.281 ** |
| TARAF PENDIDIKAN SUAMI | 0.059 | 0.021 | 0.054 |
| STATUS PENDAPATAN NEGERI | -0.051 | -0.132 | -0.030 |
| KERJA DLM SEKTOR FORMAL | 0.139 ** | 0.118 | 0.040 |
| KERJA DLM SEKTOR TAK FORMAL | 0.102 * | 0.098 | 0.040 |
| PEKERJAAN SUAMI | -0.174 ** | -0.129 | -0.200 |
| PENDAPATAN ISIRUMAH | 0.084 | 0.116 | 0.088 |
| INTERSEP | 7.900 | 7.531 | 9.368 |
| R ² | 0.436 | 0.427 | 0.419 |
| N | 184 | 95 | 89 |

*** signifikan pada 0.01

** signifikan pada 0.05

* signifikan pada 0.1

yang lebih muda. Ini kerana perbezaan dalam fertiliti lengkap adalah lebih ketara berbanding dengan perbezaan fertiliti awal.

Keadaan yang berlainan berlaku di kalangan wanita Cina di luar bandar. Bagi model wanita Cina di luar bandar yang berumur kurang daripada 35 tahun didapati $R^2=0.427$, sementara bagi kumpulan wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas pula $R^2=0.419$. Ini menunjukkan bahawa 42.7 peratus daripada perubahan kelahiran hidup di kalangan wanita Cina yang berumur lebih muda di luar bandar dapat diterangkan menerusi kesemua angkubah tak bersandar yang terpilih. Bagi golongan yang telah berumur, hanya 41.9 peratus daripada perubahan fertiliti dapat digambarkan menerusi angkubah-angkubah tak bersandar.

Oleh sebab hanya dengan menilai R^2 sahaja adalah sukar untuk mengukur keupayaan setiap angkubah secara perbandingan, maka kajian terhadap koefisien beta bagi angkubah-angkubah tak bersandar perlu dilakukan. Nilai beta yang digunakan tetapi bukan nilai b adalah kerana angkubah-angkubah tak bersandar yang terpilih adalah dalam ukuran yang berlainan.

Model keseluruhan wanita Cina menunjukkan taraf pendidikan wanita dan umur mula berkahwin merupakan faktor yang terpenting dalam mempengaruhi fertiliti di kalangan wanita Cina. Faktor pekerjaan wanita dalam sektor tidak formal juga penting dalam mempengaruhi fertiliti di kalangan wanita Cina. Ujian-t statistik bagi ketiga-tiga angkubah ini menunjukkan bahawa faktor-faktor ini adalah signifikan

pada paras keertian 0.01. Perkembangan pendidikan di kalangan wanita telah membuka peluang yang luas bagi mereka untuk menceburi sektor ekonomi. Peralihan struktur ekonomi ini telah meningkatkan keupayaan wanita untuk berdikari. Keadaan ini telah menjadikan pergantungan hidup kepada suami sebagai sumber ekonomi keluarga semakin kurang penting. Ini seterusnya telah membawa kepada tren kelewatan umur mula berkahwin terutamanya di kalangan wanita yang berpendidikan tinggi. Faktor umur mula berkahwin ini pula secara langsung mempengaruhi tempoh reproduktif seseorang wanita tersebut. Faktor-faktor lain seperti aras pendapatan negeri pemastautin dan pendapatan isirumah juga mempengaruhi fertiliti wanita Cina. Kesemua faktor ini adalah signifikan pada paras keertian 0.05. Jadi boleh dikatakan bahawa pembangunan sosio-ekonomi dan modenisasi yang pesat berjaya membantu dalam perkembangan norma-norma saiz keluarga yang kecil.

Nilai beta daripada MRA menunjukkan bahawa faktor taraf pendidikan wanita memberikan kesan yang paling penting terhadap kelahiran hidup wanita Cina di kawasan bandar. Faktor-faktor sosio-ekonomi lain yang juga penting dalam mempengaruhi fertiliti di kalangan wanita bandar adalah seperti umur mula berkahwin, pekerjaan wanita dalam sektor tidak formal dan aras pendapatan negeri pemastautin. Bagi wanita di bandar yang menceburi sektor tidak formal purata kelahiran hidup adalah lebih daripada wanita yang bekerja dalam sektor moden. Sementara bagi wanita yang tidak bekerja

mempunyai bilangan kelahiran lebih ramai daripada wanita bekerja dalam sektor moden dan sektor tidak formal. Kadar kelahiran yang rendah di kalangan wanita yang bekerja dalam sektor moden menggambarkan bahawa struktur pekerjaan dalam sektor moden mempunyai konflik yang tinggi antara peranan sebagai seorang pekerja dengan sebagai ibu. Kelahiran yang tinggi dianggap sebagai halangan untuk mencapai kecemerlangan kerjaya wanita tersebut. Wanita bekerja dalam sektor tidak formal biasanya berpendidikan rendah, berkahwin lebih awal dan pekerjaan yang kurang berkonflik peranan seorang pekerja dan seorang ibu. Keadaan ini telah mengakibatkan wanita melahirkan bilangan anak yang lebih ramai daripada wanita dalam sektor moden.

MRA bagi fertiliti wanita di bandar berdasarkan pertimbangan faktor umur wanita menunjukkan bahawa taraf pendidikan di kalangan wanita masih menjadi faktor yang dominan dalam mempengaruhi fertiliti di kalangan wanita di bandar yang berumur kurang daripada 35 tahun. Angkubah tak bersandar seperti umur mula berkahwin, pekerjaan suami dan status ekonomi negeri pemastautin memberi kesan yang penting dalam mempengaruhi fertiliti wanita di bandar pada peringkat umur yang lebih muda.

Di kalangan wanita Cina di bandar yang berumur 35 tahun dan ke atas, faktor umur mula berkahwin merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi kelahiran hidup. Wanita yang berkahwin lewat akan melepas tahap kesuburan mereka dan tempoh reproduktif mereka semakin pendek. Oleh itu, semakin lewat seseorang wanita berkahwin, maka semakin

kecil saiz keluarga yang dilahirkan. Selain itu jenis pekerjaan pula menjadi faktor yang kedua penting dalam mempengaruhi fertiliti wanita yang berumur melebihi 35 tahun di bandar.

Faktor taraf pendidikan wanita menjadi kurang penting bagi wanita berumur 35 tahun ke atas berbanding dengan wanita yang berumur 35 tahun dan ke bawah. Koefisien beta bagi taraf pendidikan wanita dan pekerjaan dalam sektor formal menunjukkan bahawa faktor-faktor tersebut merupakan penentu fertiliti wanita yang ketiga dan keempat penting.

Faktor umur mula berkahwin wanita juga merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi fertiliti wanita Cina di kawasan luar bandar bagi wanita muda dan berumur. Walau bagaimanapun berdasarkan nilai beta, taraf pendidikan wanita merupakan penentu terpenting bagi fertiliti wanita Cina di luar bandar. Ini diikuti oleh faktor umur mula berkahwin. Kedua-dua faktor ini adalah signifikan pada paras keertian 0.01. Selain itu, pekerjaan suami dan pekerjaan wanita dalam sektor tidak formal juga merupakan penentu fertiliti yang signifikan bagi wanita Cina di luar bandar.

Taraf pendidikan wanita merupakan faktor terpenting bagi wanita berumur kurang daripada 35 tahun, tetapi ia menjadi faktor kedua penting di kalangan wanita yang telah berumur. Umur mula berkahwin merupakan penentu fertiliti yang kedua penting di kalangan wanita pada peringkat umur muda tetapi ia merupakan faktor terpenting pada peringkat

umur tua. Fenomena ini menunjukkan bahawa wanita yang lebih muda dan dilahirkan dalam zaman moden lebih mudah menerima persepsi moden berkenaan norma saiz keluarga yang kecil. Kesan penerimaan persepsi moden terhadap fertiliti wanita lebih jelas dilihat di kalangan wanita muda berbanding dengan wanita tua bagi wanita yang berpendidikan tinggi.

Didapati juga koefisien beta bagi faktor umur mula berkahwin adalah signifikan pada paras keertian 0.01 dalam kesemua model regresi. Koefisien beta adalah antara -0.237 dan -0.469 menjadikan faktor umur mula berkahwin adalah angkubah yang paling signifikan bagi pola fertiliti wanita Cina. Faktor taraf pendidikan wanita juga signifikan dalam kesemua model tetapi tidak sentiasa signifikan pada paras keertian 0.01. Ujian statistik t bagi kesemua model adalah signifikan pada paras keertian 0.01 kecuali model bandar yang berumur 35 tahun dan ke atas yang signifikan pada keertian 0.05. Nilai betanya adalah antara -0.196 hingga -0.483 pula merupakan angkubah kedua penting bagi kelahiran hidup wanita. Faktor umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita mempunyai perhubungan yang negatif dengan fertiliti wanita Cina. Semakin tinggi taraf pendidikan wanita dan pasangannya, semakin tinggi umur mula berkahwin, maka semakin kecil saiz keluarga.

5.3 KEPUTUSAN ANALISIS REGRESI BERGANDA (MRA) TERHADAP SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN

Pendekatan yang digunakan dalam analisis kelahiran hidup akan digunakan dalam penganalisisan kesan faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi terhadap pola fertiliti yang diingini. Jadual 5.2 menunjukkan 9 model regresi berganda dalam penganalisisan pola fertiliti yang diingini.

Faktor-faktor sosio-demografi ekonomi seperti umur suami, umur mula berkahwin, taraf pendidikan wanita dan pasangannya, status pendapatan negeri pemastautin, pekerjaan wanita dan pasangannya dalam sektor formal dan sektor tidak formal, dan pendapatan isi rumah menerangkan 24.3 peratus variasi saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita Cina. Faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi tersebut mempengaruhi perubahan pola fertiliti jangkaan yang paling tinggi adalah di kalangan wanita berumur 35 tahun dan ke atas. Sebanyak 43.4 peratus daripada variasi saiz keluarga yang diidamkan di kalangan wanita yang telah berumur dan tinggal di luar bandar dapat diterangkan menerusi faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi yang terpilih. Sementera itu, di kalangan wanita Cina yang telah berumur dan tinggal di bandar, 30.6 peratus daripada perubahan dalam pola fertiliti jangkaan juga dapat diterangkan oleh faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi yang terpilih.

Antara faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi yang terpilih, umur mula berkahwin merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita

JADUAL 5.2: ANALISIS REGRESI SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN OLEH WANITA CINA MENGIKUT UMUR DAN TEMPAT TINGGAL

| ANGKUPAH TAK BERSANDAR | JUMLAH | UMUR WANITA | |
|--|------------|--------------------------|--------------------|
| | | KURANG DARIPADA 35 TAHUN | 35 TAHUN & KE ATAS |
| <u>KOEFISIEN REGRESI TERPIAWAI (KESELURUHAN)</u> | | | |
| UMUR SUAMI | 0.180 *** | 0.018 | 0.158 ** |
| UMUR MULA BERKAHWIN | -0.208 *** | -0.143 ** | -0.269 *** |
| TARAF PENDIDIKAN WANITA | -0.134 *** | -0.129 * | -0.104 * |
| TARAF PENDIDIKAN SUAMI | -0.109 * | -0.038 | -0.189 ** |
| STATUS PENDAPATAN NEGERI | -0.056 | -0.038 | -0.069 |
| KERJA DLM SEKTOR FORMAL | 0.065 | 0.082 | 0.005 |
| KERJA DLM SEKTOR TAK FORMAL | 0.115 ** | 0.097 | 0.042 |
| PEKERJAAN SUAMI | -0.083 * | -0.029 | -0.128 * |
| PENDAPATAN ISIRUMAH | 0.031 | -0.026 | 0.077 |
| INTERSEP | 5.823 | 5.627 | 6.883 |
| R ² | 0.243 | 0.081 | 0.323 |
| N | 458 | 230 | 228 |
| <u>KOEFISIEN REGRESI TERPIAWAI (BANDAR)</u> | | | |
| UMUR SUAMI | 0.148 ** | 0.066 | -0.044 |
| UMUR MULA BERKAHWIN | -0.174 *** | -0.023 | -0.250 *** |
| TARAF PENDIDIKAN WANITA | -0.050 | -0.078 | -0.014 |
| TARAF PENDIDIKAN SUAMI | -0.189 ** | -0.052 | -0.328 ** |
| STATUS PENDAPATAN NEGERI | -0.045 | -0.019 | -0.043 |
| KERJA DLM SEKTOR FORMAL | 0.102 * | 0.172 * | -0.008 |
| KERJA DLM SEKTOR TAK FORMAL | 0.143 ** | 0.008 | 0.118 |
| PEKERJAAN SUAMI | -0.047 | 0.093 | -0.139 |
| PENDAPATAN ISIRUMAH | 0.018 | -0.179 * | 0.110 |
| INTERSEP | 5.400 | 3.406 | 9.177 |
| R ² | 0.206 | 0.076 | 0.306 |
| N | 274 | 135 | 139 |
| <u>KOEFISIEN REGRESI TERPIAWAI (LUAR BANDAR)</u> | | | |
| UMUR SUAMI | 0.195 ** | 0.005 | 0.298 *** |
| UMUR MULA BERKAHWIN | -0.258 *** | -0.292 *** | -0.265 *** |
| TARAF PENDIDIKAN WANITA | -0.281 *** | -0.229 ** | -0.252 *** |
| TARAF PENDIDIKAN SUAMI | -0.013 | 0.047 | 0.012 |
| STATUS PENDAPATAN NEGERI | -0.074 | 0.025 | -0.127 |
| KERJA DLM SEKTOR FORMAL | -0.027 | -0.051 | -0.040 |
| KERJA DLM SEKTOR TAK FORMAL | 0.074 | 0.030 | 0.024 |
| PEKERJAAN SUAMI | -0.114 | -0.178 | -0.070 |
| PENDAPATAN ISIRUMAH | 0.042 | 0.070 | 0.014 |
| INTERSEP | 6.881 | 7.635 | 4.347 |
| R ² | 0.360 | 0.238 | 0.434 |
| N | 184 | 95 | 89 |

*** signifikan pada 0.01

** signifikan pada 0.05

* signifikan pada 0.1

Cina di bandar. Umur mula berkahwin akan menentukan tempoh reproduktif seseorang wanita. Semakin lewat seseorang wanita berkahwin semakin kecil saiz keluarga, maka semakin kurang bilangan anak yang diidamkan. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi saiz keluarga yang diidamkan adalah seperti umur suami, taraf pendidikan suami, pekerjaan wanita dalam sektor formal dan sektor tidak formal.

Apabila faktor umur wanita dikawal, model fertiliti yang diingini oleh wanita di bandar yang berumur 35 tahun dan ke bawah adalah tidak signifikan dengan $R^2=0.076$ dan kepadanan model dari ujian-F menunjukkan signifikan $F=0.335$. Sebaliknya bagi golongan berumur tua, model regresi adalah lebih sesuai dengan $R^2=0.328$ dan kepadanan model melalui ujian-F signifikan pada paras keertian 0.01. Model regresi wanita Cina di bandar yang berumur tua menunjukkan bahawa taraf pendidikan suami dan umur mula berkahwin merupakan faktor terpenting mempengaruhi persepsi bilangan anak yang diidamkan di kalangan wanita Cina yang lebih tua dan menetap di bandar.

Bagi wanita di luar bandar, taraf pendidikan wanita merupakan pengaruh paling penting terhadap saiz keluarga yang diidamkan. Umur mula berkahwin dan umur suami merupakan faktor yang kedua dan ketiga penting dalam mempengaruhi persepsi seseorang wanita terhadap saiz keluarga yang diidamkan. Dengan mengawal faktor umur wanita, golongan wanita berumur muda di luar bandar menunjukkan bahawa umur mula berkahwin merupakan faktor terpenting dan diikuti dengan taraf pendidikan wanita. Sebaliknya wanita

Cina di luar bandar yang telah berumur, umur suami merupakan pengaruh yang terpenting terhadap fertiliti diingini, diikuti dengan umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita.

Pada keseluruhan penganalisisan saiz keluarga yang diidamkan, umur mula berkahwin masih merupakan penentu yang dominan. Koefisien beta adalah signifikan pada paras keertian 0.05 kecuali model bandar yang berumur muda dengan nilai beta antara -0.143 dan -0.292. Ini diikuti dengan faktor taraf pendidikan wanita signifikan pada paras keertian 0.1 kecuali bagi model bandar. Nilai koefisien beta adalah antara -0.104 dan -0.281. Faktor umur suami juga menunjukkan kepentingannya dalam mempengaruhi persepsi bilangan anak yang diidamkan. Faktor umur berkahwin dan taraf pendidikan wanita dan pasangannya menunjukkan perhubungan negatif dengan fertiliti yang diingini. Dengan kata lain, semakin tinggi taraf pendidikan wanita atau suaminya, semakin lewat seseorang wanita berkahwin, maka semakin cenderunglah persepsi wanita tersebut ke arah norma saiz keluarga yang kecil.